

## Dakwah kepada *Non-Muslim*: Sorotan Pendekatan Rasul *Ulu al-ʿAzmi*

*Da'wa to the Non-Muslim: Approaches Used by Rasul Ulu al-ʿAzmi*

ABDUL GHAFAR DON  
NURUL NAZUHA HAZIZAN  
RAZALEIGH MUHAMAT @ KAWANGIT

### ABSTRAK

*Al-Qur'an* memaparkan episod dakwah para rasul Allah sebagai model dakwah yang ideal (*mithali*). Model pendakwah ideal ini menjadi lebih sinonim dengan Rasul-rasul yang digelar sebagai *ulu al-ʿazmi*, iaitu Nabi Muhammad s.a.w, Nabi Nuh a.s, Nabi Ibrahim a.s, Nabi Musa a.s dan Nabi Isa a.s. Teladan dakwah yang ditunjukkan oleh rasul-rasul *ulu al-ʿazmi* tersebut adalah penting sebagai faktor motivasi atau inspirasi kepada generasi pewaris dakwah dalam inisiatif meratakan mesej Islam sejagat. Artikel ini cuba menyorot dan menganalisis pelbagai pendekatan rasul *ulu al-ʿazmi* dalam dakwah mereka. Metode yang digunakan dalam penulisan artikel ini ialah penelitian terhadap ayat-ayat *al-Qur'an* terpilih berkaitan subjek kajian. Sorotan dan analisis ini mendapati kesabaran dan kepelbagaian pendekatan dakwah yang digunakan oleh para rasul *ulu al-ʿazmi* penting dan perlu dilaksanakan pendakwah masakini meskipun zaman dan konteks sudah berubah.

*Kata Kunci: Dakwah, Non-Muslim, Rasul*

### ABSTRACT

The *Qur'an* has presented the episode of *da'wa* (call/invitation) of Allah's messengers as an ideal *da'wa* model (*mithali*). This very ideal model of preacher is synonym with messengers known as *ulu al-ʿazmi* (Messengers of inflexible purpose). They are The Prophets Nuh, Muhammad, Ibrahim, Musa and Isa. *Da'wa* example shown by the prophets of *ulu al-ʿazmi* definitely very important as a source of motivation or inspiration for the heirs of *da'wah* in their mission to make Islam known globally. This article try to explore and analyse various approaches of *da'wah* of the *ulu al-ʿazmi*'s messengers. The method used in writing this article are based on the selected *Qur'anic* verses related to the subject of the study. This exploration and analyse found that patience and various approaches of *da'wah* applied by the messengers of *ulu al-ʿazmi* are vital and should be implemented by current *da'is* (preachers) today despite their context and age are different.

*Keywords: Da'wa, Non-Muslim, Rasul*

### PENGENALAN

Dakwah adalah tugas asasi umat Islam untuk menyeru, mengajak, menyampaikan dan memperkenalkan kepada manusia mengenai ajaran agama Islam. Dakwah juga adalah gerakan berterusan mengajak manusia ke jalan Allah supaya mereka mendapat kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat. Penghayatan cara hidup Islam sebagai budaya hidup akan membawa manusia mencapai matlamat kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan akhirat tersebut. Manusia dijadikan Allah untuk mentadbir bumi ini mengikut kehendak Penciptanya yang antara lainnya dimanifestasikan melalui dakwah (al-Baqarah 2: 30).

Artikel ini merupakan satu analisis ayat *al-Qur'an* terpilih terhadap pendekatan dakwah yang digunakan oleh para Rasul yang bergelar *ulu al-ʿazmi* kepada golongan kafir (*Non-Muslim*). Keazaman dan kesungguhan mereka dalam berdakwah serta tidak berputus asa di samping elemen-elemen doa, bertawakal, bersabar, bersyukur pada Allah di atas nikmat-Nya adalah menjadi ramuan penting menunjangi kekuatan gerakan dakwah mereka. Mereka membayar segala nikmat yang Allah berikan dengan kesungguhan, kekuatan azam dan komitmen yang tidak berbelah bahagi dalam berdakwah. Kesungguhan, keazaman dan kecekalan dalam dakwah ini telah melayakkan mereka, iaitu Nabi Ibrahim, Nuh, Musa, Isa dan Muhammad memiliki posisi Rasul *ulu al-ʿazmi*.

## TUNTUTAN BERDAKWAH KEPADA NON-MUSLIM

Bukan Muslim adalah satu makna yang ditunjukkan khas kepada orang-orang bukan Islam. Sesetengah berpendapat istilah ini lebih mesra daripada menggunakan percakapan kafir. *Kamus Dewan* (1984: 471) menjelaskan perkataan kafir memberi erti orang yang tidak beriman kepada Allah dan Rasul-Nya atau orang yang bukan Islam.

Islam menuntut kita menyampaikan ajaran wahyu kepada semua umat manusia. Tuntutan dakwah telah diasaskan oleh Nabi Nuh a.s berdasarkan lantikan status "Rasul," proses pensyariatian telah banyak disebarkan dan beliau berhadapan dengan halangan masyarakat yang luarbiasa (Ab Aziz 2003: 46). Matlamat seruan wahyu adalah untuk menghapuskan segala kejahatan di muka bumi dan menganjurkan segala bentuk amalan baik. Selain mengislahkan masyarakat Muslim, golongan non-Muslim juga berhak untuk menerima dakwah sesuai dengan sifat mesej Islam sejagat yang ditujukan kepada semua manusia (*kaffatan li al-nas*) dan untuk kerahmatan seluruh alam (*rahmatan lil 'alamin*).

Sasaran pendakwaan terhadap non-Muslim meliputi golongan beragama, tidak beragama dan belum beragama (Ku Md. Ali 1997: 8). Kebanyakan non-Muslim menumpukan fikiran dan usaha mereka kepada soal-soal material, kehidupan dunia, perniagaan dan kesenangan hidup. Mereka dibahagikan kepada tiga kumpulan:

- Pertama : Golongan yang hatinya kosong daripada sebarang ajaran walaupun mereka pernah mendengar pelbagai ajaran tetapi tidak menarik perhatian mereka.
- Kedua : Golongan yang mempelajari agama tetapi tidak beriman.
- Ketiga : Golongan yang berpegang kuat dengan ajaran agama mereka.

Dari segi prinsipnya, dakwah Islamiah tidak pernah menggunakan kekerasan dan paksaan seperti firman Allah yang bermaksud:

Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan Thaghut, dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh yang tidak akan putus. Dan (ingatlah) Allah Amat Mendengar lagi Amat Mengetahui. (Al-Quran 2 : 256)

Mawdudi dalam *Towards Understanding the Qur'an* (2006: 82) dalam mengulas ayat ini menyatakan Islam merupakan satu sistem kepercayaan, moral dan amali yang tidak boleh didakwahkan secara paksa. Oleh itu dakwah terhadap bukan Islam perlu dilakukan dengan proses *tadhkir* (memberi peringatan), *maw'izah* (nasihat), *al-bayyinat* (mengemukakan keterangan-keterangan atau bukti yang nyata) serta dengan hujah-hujah yang jitu.

Oleh itu, kewajipan rasul-rasul dan nabi-nabi hanyalah berdakwah menyampaikan apa yang diperintahkan bukan memaksa sebagaimana maksud firman Allah:

Dan (bukanlah tanggungjawabmu wahai Muhammad menjadikan seluruh umat manusia beriman), jika Tuhanmu mengkehendaki nescaya berimanlah sekalian manusia yang ada orang di bumi! (janganlah engkau bersedih hati tentang kedegilan orang-orang yang engkar itu; kalau Tuhan tidak mengkehendaki) maka patutkah engkau pula hendak memaksa manusia supaya mereka menjadi orang-orang yang beriman? (Surah Yunus 10: 99)

Ini adalah kerana hanya Allah berkuasa memberi hidayah sebagaimana maksud firman Allah dalam (surah al-Qasas, ayat: 56) yang bermaksud:

Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) tidak berkuasa memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang engkau kasihi (supaya ia menerima Islam), tetapi Allah jualah yang memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang peraturan); dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang (ada persediaan untuk) mendapat hidayah petunjuk (kepada memeluk Islam).

Ayat ini sepertimana yang diulas oleh Imam al-Zamakshari (1995: 408) menjelaskan bahawa pendakwah tidak berupaya mengubah hati orang yang dikasihi kepada Islam (supaya memeluk Islam). Ini kerana pendakwah adalah hamba yang tidak mengetahui apa yang tersemat di dalam hati sasaran dakwah (*mad'u*).

Pendekatan dakwah Islamiah juga bertitik tolak daripada asas dan prinsip umum berdakwah yang dinyatakan dalam surah al-Nahlu, ayat 125 yang bermaksud:

Serulah kejalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah

jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat petunjuk.

Persoalan agama adalah persoalan sensitif bagi kebanyakan orang. Penyeruan yang bijak, cermat, bertimbang rasa adalah pendekatan positif untuk tujuan dakwah. Pendekatan sebegini dapat memberi peluang kepada orang yang diseru supaya berfikir dan meluahkan isi fikirannya dengan baik tanpa emosi, sambil mendengar penjelasan pihak pertama. Komunikasi mesra menjanjikan kejayaan (Ku Md Ali 1997: 11-12).

Dalam membincangkan tuntutan berdakwah terhadap non-Muslim, perlu dilihat asas-asas perhubungan yang dibenarkan oleh syariat untuk mengukuhkan dan memantapkan hubungan antara orang Islam dan bukan Islam. Antara ayat jelas menunjukkan peraturan perhubungan ini ialah firman Allah dalam surah al-Mumtahanah, ayat 8-9, yang bermaksud:

Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu dan kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman, sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil. Sesungguhnya Allah hanyalah melarang kamu daripada menjadikan teman rapat orang-orang yang memerangi kamu kerana agama (kamu), dan mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, serta membantu (orang lain) untuk mengusir kamu. Dan (ingatlah) sesiapa yang menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.

Ayat ini seperti yang diulas Hamka (1985: 106) bahawa ahli-ahli tafsir berpandangan bahawa ianya bersifat *muhkamat* yakni berlaku buat selamanya, tidak *dimansuhkan*. Ia berlaku dalam segala zaman di mana Islam menuntut agar berbaik dan bersikap adil dan jujur kepada orang yang tidak memusuhi dakwah dan tidak mengusir orang Islam dari kampung halaman.

Perkataan berbuat baik (*al-birr*) di sini meliputi semua nilai kebaikan dan pergaulan secara luas melebihi daripada erti adil. Al-Qur'an juga memberikan penghormatan yang tinggi kepada ahli kitab, seperti Yahudi dan Masihi (Nasrani) sekalipun isi Taurat dan Injil telah diselewengkan dan ditukar ganti. Al-Quran juga melarang diadakan perdebatan dengan ahli kitab dalam urusan agama kecuali dengan cara yang baik dan tidak pula secara berlebihan sehingga membangkitkan permusuhan (al-Ankabut

29: 46). Rasulullah s.a.w juga menitikberatkan perlindungan terhadap *ahlu dhimmah*, iaitu mereka yang tinggal di negara Islam dan hidup tenang dan aman (Ku Md. Ali 1997: 17).

Berdasarkan fakta dari dalil-dalil al-Qur'an yang dikemukakan, dakwah terhadap Non-Muslim perlulah mengambil pendekatan memujuk berasaskan prinsip hikmah agar tidak berlaku fitnah kepada agama Islam.

#### PENGENALAN RASUL ULU AL-<sup>c</sup>AZMI

*Ulu al-<sup>c</sup>Azmi* sebagaimana yang ditakrifkan dalam *Mu<sup>c</sup>jam al-Wasit* (1972: 599) ialah orang-orang (para rasul) yang sabar dan bersungguh-sungguh dalam jalan dakwah mereka. Manakala dalam *Tafsir al-Jalalayn* (2004: 506) mendefinisikan *ulu al-<sup>c</sup>azmi* dengan maksud rasul-rasul yang mempunyai daya tahan dan kesabaran yang tinggi dalam menghadapi ujian-ujian dakwah. Imam al-Zamakhshari, dalam *Tafsir al-Kashshaf* (t.th 3: 451) menyatakan rasul *ulu al-<sup>c</sup>azmi* ialah orang yang mempunyai kesungguhan, keteguhan dan kesabaran. Beliau malah menyatakan bahawa *ulul azmi* adalah sifat yang ada pada semua rasul Allah. Pandangan Imam al-Zamakhshari ini turut dikongsi oleh Imam al-Baydawi (t.th 4: 79). Rasul-rasul *ulu al-<sup>c</sup>azmi* telah diisyaratkan istilahnya di dalam al-Qur'an (al-Ahqaf 46: 35). Mereka terdiri daripada Nabi Nuh a.s, Nabi Ibrahim a.s, Nabi Musa a.s, nabi Isa a.s dan Nabi Muhammad s.a.w (al-Mardini 2005: 230). Imam al-Zamakhshari turut memasukkan beberapa Nabi lagi sebagai rasul *ulu al-<sup>c</sup>azmi* iaitu Nabi Ishak a.s, Nabi Yaakub a.s, Nabi Yusuf a.s dan Nabi Daud a.s. Kisah rasul-rasul ini telah dirakamkan dalam al-Quran sebagai panduan agama terutamanya di bidang pendakwahan. Rasul-rasul *ulu al-<sup>c</sup>azmi* adalah satu panggilan yang diberi status oleh Allah kepada mereka berdasarkan kesungguhan dan keazaman mereka dalam pendakwahan. Di samping mehnah dan tribulasi dakwah, mereka juga telah diuji Allah dengan ujian-ujian yang hebat lagi berat. Walau bagaimana susahnyanya dan payahnya halangan-halangan, mereka tetap kuat berazam menyampaikan Dakwah Islamiah.

#### PENDEKATAN DAKWAH RASUL ULU AL-<sup>c</sup>AZMI TERHADAP NON-MUSLIM

Kepentingan kisah rasul-rasul *ulu al-<sup>c</sup>azmi* telah diceritakan dalam al-Quran dalam surah al-Ahqaf, ayat 35 yang bermaksud:

Maka bersabarlah kamu seperti orang-orang yang mempunyai keteguhan hati dari rasul-rasul telah bersabar dan janganlah kamu meminta disegerakan (azab) bagi mereka. Pada hari mereka melihat azab yang diancamkan kepada mereka (merasa) seolah-olah tidak tinggal (di dunia) melainkan sesaat pada siang hari. (Inilah) suatu pelajaran yang cukup, maka tidak dibinasakan melainkan yang fasik. (al-Quran, al-Ahqaf 46: 35)”

Kepentingan ayat ini adalah berkaitan dengan tujuan untuk memberi kekuatan motivasi mental dan fizikal kepada pendakwah sebagaimana yang telah dilalui oleh para rasul *ulu al-‘azmi* tersebut. Sejarah perjalanan dakwah tidak akan dapat lari daripada pertembungan dengan ragam manusia yang pelbagai di samping pelbagai latar belakang *mad‘u* (sasaran dakwah) seperti golongan *al-Mala’* (golongan elit), *al-Jumhur* (orang awam) dan *al-Asi* (pelaku maksiat) dan juga di kalangan non-Muslim. Begitulah juga dengan kisah para Rasul *ulu al-‘azmi* dalam menyampaikan dakwah kepada manusia yang sememangnya ketika itu masih berada dalam kegelapan dan belum mengenal erti *Din al-Huda* (agama petunjuk). Penelitian mendalam dan kritikal mendapati antara bentuk pendekatan dakwah yang dilaksanakan para Rasul *ulu al-‘azmi* sebagaimana yang dikemukakan al-Qur’an ialah:

#### HIKMAH

Pendekatan dakwah berhikmah yang dilaksanakan penghulu *sayyidul mursalin*, iaitu Nabi Muhammad s.a.w misalnya dapat dilihat dalam Perjanjian Hudaibiyah. Antara terma perjanjian ini ialah kedua pihak Muslimin dan kaum Quraisy tidak akan saling berperang dalam jangka masa 10 tahun. Pada tahun itu Nabi Muhammad s.a.w dan para sahabat bersetuju keluar semula dari Mekah dan pulang ke Madinah, mereka dibenarkan ziarah Mekah pada musim haji berikutnya.

Nabi Muhammad s.a.w bersetuju dengan syarat perjanjian ini, walaupun ramai sahabat-sahabatnya tidak setuju kerana perjanjian ini seolah-olah menampakkan kemenangan bagi musuh. Walaupun begitu, tempoh 10 tahun itu menyebabkan ramai para Muslimin datang ke Mekah dengan selamat. Ini memberi impak besar kepada penyebaran Islam dan perkembangan umat Islam. Sesungguhnya Allah telah menjelaskan hikmah pendekatan dakwah ini dalam Surah al-Fath, ayat 1-3 yang bermaksud:

Sesungguhnya Kami telah memberikan kemegahan kepadamu kemenangan yang nyata,

supaya Allah memberi keampunan kepadamu terhadap dosamu yang telah lalu dan yang akan datang serta menyempurnakan nikmat-Nya atasmu dan memimpin kamu kepada jalan yang lurus, dan supaya Allah menolongmu dengan pertolongan yang kuat (banyak).

Hikmah dakwah Rasul *ulu al-‘azmi* juga berlaku kepada Nabi Nuh, Ibrahim, Musa dan Isa. Peristiwa banjir besar di zaman Nabi Nuh (al-Ankabut 29: 14-16), mukjizat Nabi Ibrahim yang tidak hangus dimakan api (al-Anbiya’ 21: 68-70), mukjizat tongkat Nabi Musa menjadi ular dan menelan ular para ahli sihir Fir’aun (al-Shu‘ara 26: 29-51) dan Nabi Isa yang dapat menyembuhkan orang buta dan sopak (Ali ‘Imran 3: 49) telah menjadi satu bentuk pendekatan dakwah *bil hikmah* dalam konteks perjuangan Rasul-rasul tersebut. Peristiwa dan mukjizat-mukjizat tersebut telah menjadi benteng dalam mempertahankan dakwah para rasul *ulu al-‘azmi* di samping menjadi bukti kebenaran kerasulan mereka. Berdasarkan peristiwa yang berlaku tersebut, Dr. Abd al-Rahman Umairah (1991: 100) menjelaskan bahawa inilah satu bentuk tarbiyah dakwah para rasul dalam mengajak manusia bertakawa kepada Allah.

Pendekatan yang digunakan rasul-rasul *ulu al-‘Azmi* tersebut dan tahap kesabaran mereka bolehlah dianggap satu hikmah dalam dakwah. Apa yang perlu difahami dalam konteks dakwah, kejayaan tidaklah semata-mata boleh diukur berdasarkan kuantiti atau bilangan orang yang memeluk Islam. Al-Qur’an tidak menyebutkan bahawa angka menjadi indikator dalam menentukan kejayaan dakwah. Kejayaan dalam dakwah perlu juga diukur kepada tahap kesabaran dan sejauhmana pendakwah berupaya menyampaikan mesej Islam. Justeru, al-Qur’an tidak meletakkan angka sebagai asas kejayaan para rasul *ulu al-‘azmi* dalam dakwah. Sebaliknya keazaman, kebulatan tekad dan kesabaran mereka digesa agar diteladani para pendakwah sepertimana yang dinyatakan dalam Surah al-Ahqaf, ayat 35.

#### MAWI‘ZAH HASANAH

Al-Qur’an juga menggambarkan pendekatan mau‘izah atau nasihat yang dilaksanakan rasul-rasul *ulu al-‘azmi*. Nabi Musa a.s misalnya, meskipun terpaksa berhadapan dengan regim Fir’aun yang keras dan zalim, namun baginda diperintahkan Allah supaya berdakwah dengan menasihati Fir’aun secara berlemah lembut. Istilah ‘*qawlan layyinān*’ yang digunakan al-Qur’an merupakan isyarat dan bimbingan dakwah menerusi pendekatan nasihat yang digunakan Nabi Musa a.s terhadap Fir’aun. Isyarat

daripada al-Qur'an tentang pendekatan ini ialah di dalam Surah Taha 20, ayat 44:

فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَّيِّنًا لَّعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَىٰ ﴿٤٤﴾

Maksudnya:

“Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya dengan kata-kata yang lemah lembut semoga ia beringat atau takut”.

Nabi Muhammad s.a.w di dalam hadis baginda ada menyatakan bahawa agama adalah nasihat. Sabda Rasulullah yang bermaksud: “Agama adalah Nasihat: sahabat bertanya untuk siapa nasihat tersebut? Nabi menjawab, nasihat tersebut ialah bagi Allah, rasulnya kepada pemimpin-pemimpin Muslimin dan orang ramai di kalangan mereka”

Nabi Ibrahim juga berdakwah kepada kaumnya dengan menggunakan kaedah nasihat yang baik. Dakwah melalui nasihat diisytarkan misalnya oleh al-Qur'an dalam Surah al-An'am, ayat 74:

وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ لِأَبِيهِ ءَأَزَرَ أَتَّخِذُ أَصْنَامًا ءَالِهَةً ۖ إِنِّي أَرِنَاكَ وَقَوْمَكَ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٧٤﴾

Maksudnya: “Dan ingatlah ketika Nabi Ibrahim berkata kepada bapanya Azar: “patutkan engkau menjadikan berhala-berhala sebagai Tuhan-tuhan? Sesungguhnya aku melihatmu dan kaummu dalam kesesatan yang nyata,” dan Surah al-Ankabut, ayat 16.

وَإِبْرَاهِيمَ إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ أَعْبُدُوا اللَّهَ وَاتَّقُوهُ ۖ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٦﴾

Maksudnya: “dan (sebutlah peristiwa) Nabi Ibrahim tatkala ia berkata kepada kaumnya: “sembahlah kamu akan Allah dan bertaqwalah kepada-Nya; Yang demikian itu adalah baik bagi kamu jika kamu tahu (membezakan yang baik dari yang buruk)”.

Begitu juga dakwah Nabi Nuh kepada kaumnya dengan nasihat agar mereka menyembah dan bertaqwa kepada Allah sepertimana yang dinyatakan dalam Surah al-A'raf, ayat 59:

لَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِ فَقَالَ يَنْقُومِ أَعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُ ۖ إِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿٥٩﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Kami telah mengutuskan Nabi Nuh kepada kaumnya, lalu berkatalah ia: “Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah (sebenarnya) tidak ada Tuhan bagi kamu selain daripada-Nya. Sesungguhnya aku bimbang kamu akan ditimpa azab hari yang besar (kiamat)”.

Selain daripada ayat tersebut, terdapat beberapa ayat lain yang menjelaskan tujuan dan pendekatan dakwah Nabi Nuh seperti al-Mu'minun, ayat 23, Surah al-Shu'ara', ayat 106 dan lain-lain. Berdasarkan ayat-ayat tersebut, dapat dirumuskan bahawa dakwah yang dilaksanakan oleh para rasul *ulu al-<sup>c</sup>Azmi* tersebut adalah bertujuan membawa manusia bertakwa dan mengabdikan diri kepada Allah. Pendekatan yang digunakan pula adalah berhemah dan dalam bentuk pujukan dan nasihat agar dakwah mereka diterima oleh *mad<sup>c</sup>u*.

#### MUJADALAH BI AL-HUSNA

Metode *mujadalah* (dialog, debat, diskusi, wacana dan lain-lain yang seerti dengannya) merupakan antara kaedah popular yang digunakan para Rasul termasuklah rasul *ulu al-<sup>c</sup>Azmi*.

Mujadalah boleh dibahagikan kepada dua bentuk, iaitu:

1. *Munazarah* merujuk kepada perbahasan untuk melahirkan sesuatu kebenaran. Menurut Abdul Aziz (2003: 52-56), tujuan Nabi Ibrahim memusnahkan patung-patung berhala, bukanlah untuk menunjukkan kekerasan, tetapi bertujuan merangsangkan kaumnya untuk berfikir bahawa berhala-berhala itu sangat tidak berguna. Hanya satu patung besar tidak dimusnahkan bahkan digantungnya kapak, supaya mereka akan berfikir sejauhmana kekuatan dan kekuasaan sesebuah patung berhala. Metode ini akan menganjurkan perbincangan yang merangsang fikiran benar.
2. *Muhawarah* (perbincangan secara soal jawab). Allah menyatakan kaedah dakwah yang disampaikan oleh Ibrahim a.s kepada bapanya dalam al-Quran. Dakwah yang disampaikan beliau dilakukan dengan menerapkan kaedah *Muhawarah* iaitu percakapan secara peribadi

dan beliau tidak jemu-jemu berbincang dengan harapan bapanya akan menerima dakwahnya. Beliau juga bersoal jawab dengan kaumnya tentang tuhan-tuhan mereka yang tidak memberi apa-apa kepada mereka dalam surah al-Shura 42: 69-77. Soal jawab ini adalah untuk melemahkan tuhan-tuhan mereka, kemudian barulah beliau menjelaskan tentang Allah, tuhan yang patut disembah. Antara contoh juga ialah *muhawarah* Nabi Nuh dengan kaumnya ialah firman Allah di dalam Surah al-A'raf, ayat 59 yang bermaksud:

“Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah, (sebenarnya tidak ada Tuhan bagi kamu selain daripadanya. Sesungguhnya aku bimbang kamu akan ditimpa azab hari yang besar Hari Kiamat)”.

#### TABSHIR ATAU TARGHIB (BERITA GEMBIRA) DAN INDHAR ATAU (BERITA ANCAMAN)

Rasul-rasul *ulu al-azmi* juga menyampaikan peringatan kepada kaumnya dengan menggunakan pendekatan *tabshir* atau *targhib* dan *tandhir* atau *tarhib*. Surah al-Syu'ara' (al-Quran, Surah al-Shu'ara': 214), misalnya memperlihatkan contoh Nabi Muhammad sebagai pemberi *indhhar* (peringatan) terhadap orang yang tidak beriman. Maksud daripada ayat tersebut ialah:

Dan berilah peringatan serta amaran kepada kaum kerabatmu yang dekat. (Surah al-Anfal 8: 32)

Tafsir Pimpinan Rahman (2000: 798) menjelaskan bahawa baginda Rasulullah diperintahkan lebih dahulu menyeru kaum kerabatnya yang dekat memeluk Islam dan menjauhi perbuatan kufur dan syirik supaya mereka terselamat dari azab Allah. Dengan Islamnya kaum kerabatnya yang dekat, ia akan dapat menarik golongan-golongan yang lain.

Dakwah Nabi Nuh pula dirakamkan dalam banyak ayat al-Qur'an, antaranya dalam Surah Hud, ayat 25 dan Surah Nuh, ayat 2. Muhammad al-Tayyib al-Najar (1981: 66) mentafsirkan bahawa dilihat dari *siyaq* (susunan) ayat-ayat al-Qur'an tersebut, Allah telah memerintah Nabi Nuh memberi peringatan berupa ancaman azam Allah kepada kaumnya. Nabi Nuh telah melaksanakan perintah Tuhannya dan menyampaikan dakwah kepada kaumnya serta mengajak mereka beribadah, taat dan bertaqwa kepada Allah.

Al-Qur'an juga menggambarkan dakwah Nabi Ibrahim a.s dalam Surah Maryam (19: 41-45) yang menyeru dan memberi peringatan kepada kaumnya supaya menyembah Allah dan menjauhkan

penyembahan-penyembahan yang tidak berguna seperti syaitan agar tidak ditimpa azab Allah. Dalam ayat ini, Nabi Ibrahim memperingatkan kaumnya bahawa dia takut akan azab Allah yang akan menimpa mereka sekiranya tidak beriman. Adam Abdullah al-Aluri (1979: 54) ketika memberi ulasan kepada ayat ini menyifatkan bahawa pendekatan dakwah yang digunakan Nabi Ibrahim adalah penuh beradab, lembut dan kasih sayang disertai hujah yang jelas lagi jitu.

Pendekatan yang digunakan tersebut, iaitu *tabshir*, *tandhir*, *targhib* dan *tarhib* dikira satu pendekatan yang perlu dan berupaya menggoncang serta melembutkan hati manusia untuk tunduk kepada perintah-perintah Allah. Gabungan pendekatan menggembirakan serta menakutkan adalah satu kaedah al-Qur'an yang telah dilaksanakan para rasul ulul azmi dan lain-lain rasul yang boleh diaplikasi dalam konteks dakwah semasa.

#### BERTAWAKAL KEPADA ALLAH DAN BERDOA

Tawakal dan doa adalah bentuk pendekatan yang sinonim dengan semua Rasul termasuk juga Rasul *ulu al-azmi* dalam menjalankan misi dakwah mereka. Dakwah dengan bertawakal misalnya telah dilaksanakan oleh Nabi Muhammad s.a.w dengan mendoakan agar Islam diperkuatkan dengan dua Umar, iaitu Amru bin Hisyam dan Umar b. Al-Khattab. Doa Nabi dapat diperhatikan seperti berikut yang bermaksud:

Wahai Tuahanku ! muliakan Islam ini dengan salah satunya dua Umar.” Yang dimaksudkan oleh nabi iaitu Amru b. Hisyam (Abu Jahal).

Ternyata Allah benar-benar mengabulkan doa nabi Muhammad s.a.w yang diucapkannya berulang kali setiap waktu (Talib 2004: 16).

Nabi Musa dalam menyeru kaumnya juga menyerah diri kepada Allah dan berdoa agar diberi kekuatan dalam berdakwah (Surah Taha: 35-36). Begitu juga Nabi Ibrahim yang mengambil pendekatan yang sama seperti Nabi Musa dalam dakwah baginda sepertimana yang dirakamkan dalam Surah al-An'am, ayat 75-80.

#### MENGIKTIRAF DAN MERAIKAN KEDUDUKAN MAD<sup>c</sup>U (SASARAN DAKWAH)

Rasulullah s.a.w dalam usaha menyebarkan dakwah Islamiah, sering mengiktiraf kedudukan seseorang, seperti raja dan ketua dengan panggilan yang sesuai dengan pangkat dan taraf mereka, walaupun Islam menentang perbezaan kelas dan darjat. Ia jelas dalam

surat-surat yang diutuskan kepada raja-raja dan ketua-ketua negara untuk menyeru mereka kepada Islam. Raja-raja disebut dengan panggilan Yang Dipertuan (Azim), iaitu Yang Dipertuan Rom, Yang Dipertuan Parsi dan lain-lain. Melalui panggilan sebegini, mereka merasakan diri mereka dihormati dan diakui kebesarannya. Ia akan memudahkan dan membuka hati mereka untuk mendengar apa yang hendak disampaikan (Ab Aziz 1999: 130). Ini adalah contoh bagaimana nabi mengiktiraf kedudukan seseorang mengikut statusnya.

Abu Sufyan adalah seorang pemuka Quraisy yang berpengaruh dan berwibawa di Mekah telah memeluk Islam pada peringkat awalnya dengan rasa terpaksa dan tiada pilihan apabila digertak oleh Abbas b Abdul Mutalib untuk memenggal kepalanya. Kesempatan ini diambil Rasulullah dalam strateginya menakluki Mekah tanpa pertumpahan darah. Beliau berkata “Barang siapa berada di Masjidil Haram sewaktu pasukan Muslimin memasuki kota Mekah dijamin keamanannya, demikian juga dirumah Abu Sufyan dan yang menutup pintu rumahnya rapat-rapatnya.” Pengiktirafan ini telah menjadikan kedatangan pasukan Muslimin disambut dengan dengan damai, tenteram, tertib tanpa setitis darah pun mengalir. (Abdullah 1999: 734-735)

Nabi Musa berdakwah dengan pendekatan mengiktiraf nikmat yang telah dirasai dan dilimpahi kepada kaumnya. Baginda dalam hal ini telah menyedarkan kaumnya bahawa nikmat serta kedudukan mereka yang dimuliakan oleh Allah yang memberikan banyak nabi-nabi dan kerajaan di kalangan kaum mereka perlu disyukuri (Surah al-Ma’idah 5: 20).

#### AL-HIRS (PERHATIAN YANG TINGGI KEPADA MAD’U)

Seorang daie harus memiliki *hirs* (perhatian yang besar) kepada objek dakwahnya. Seorang pendakwah yang sejati tidak akan merasa sakit hati dan risau apabila dakwahnya ditolak. Hal itu membuktikan adanya perasaan rahmah dan perhatian yang sangat besar terhadap objek dakwahnya. Pendakwah tidak seharusnya berputus asa untuk menyebarkan dakwahnya. Perasaan ini akan membuka hati *mad’u* agar dapat mendengar dakwah (Abdul Aziz 1998: 120-121). Dalam hal ini, pendakwah perlu mempunyai cita-cita yang tinggi agar semua manusia beriman kepada Allah meskipun ia menyedari bahawa kuasa hidayah adalah milik Allah. Namun, pendakwah mesti berusaha gigih ke arah pencapaian matlamat tersebut. Sifat seperti

ini telah dijelmakan nabi Muhammad s.a.w dalam dakwah baginda sepertimana yang termaktub dalam Surah al-Taubah, ayat 128.

Ajakan Nabi Ibrahim a.s kepada ayahnya misalnya dimulai dengan perbincaraan yang halus sekali dengan dengan menyatakan beliau adalah anaknya yang amat mengharapkan belas kasihan dari ayahnya. Sekalipun, ayahnya sentiasa menolak dakwahnya, Nabi Ibrahim tetap memulakan dakwahnya dengan memanggil “wahai ayahku..” (*ya abati*) sebagai panggilan hormat. Sehingga ayahnyanya mengusir Ibrahim, Nabi Ibrahim tetap memohon doa hidayah dari Allah untuk ayahnya. Begitu sekali perhatian yang tinggi dari Ibrahim terhadapnya (Surah Maryam 19: 45).

#### HIJRAH KE TEMPAT SELAMAT (WASPADA)

Penentangan yang dialami para rasul *ulu al-<sup>c</sup>azmi* dalam dakwah menjadi faktor keizinan untuk berhijrah. Pendekatan hijrah dalam dakwah ini misalnya telah dilalui oleh bukan sahaja para rasul *ulu al-<sup>c</sup>Azmi*, tetapi juga lain-lain rasul yang bukan *ulu al-<sup>c</sup>Azmi*. Namun demikian, dengan merujuk secara khusus kepada rasul *ulul azmi*, al-Qur’an misalnya menjelaskan tentang hijrah Nabi Ibrahim a.s (Al-Qur’an, Surah al-Anbiya’ 21: 71) ke Syria. Firman Allah:

وَجَيِّتْهُ وَوَلُوْطًا إِلَى الْأَرْضِ الَّتِي بَرَكْنَا فِيهَا لِلْعَالَمِينَ .

“Dan Kami selamatkan dia (Nabi Ibrahim) dan sepupunya Nabi Lut ke negeri yang Kami limpahkan berkat padanya untuk umat manusia.”

Tentangan yang hebat daripada regim Fir’aun menyebabkan Nabi Musa dan Bani Israel terpaksa berhijrah meninggalkan Mesir (Al-Qur’an, Surah al-Syu’ara’: 52). Nabi Muhammad juga setelah mendapat tentangan dalam dakwah di Mekah telah berhijrah ke Madinah (Al-Qur’an, Surah al-Baqarah 2: 218).

Justeru, hijrah merupakan satu alternatif dan pendekatan yang digunakan oleh rasul *ulul azmi* dalam usaha menyelamatkan dakwah Islmiah daripada ancaman musuh dan orang yang menentang dakwah.

#### PENUTUP

Dakwah para rasul *ulu al-<sup>c</sup>azmi* telah mengambil pelbagai pendekatan dan juga telah melalui pelbagai rintangan dan cabaran dalam inisiatif menegakkan

agama Allah di atas muka bumi. Pendekatan atau kaedah dakwah yang diambil para rasul *ulul azmi* tersebut dalam menghadapi kaum masing-masing adalah berpandukan kaedah dakwah yang digariskan oleh Allah s.w.t seperti mana yang dipersembahkan al-Qur'an. Ciri paling menonjol yang menunjangi kekuatan gerakan dakwah para rasul tersebut ialah sifat sabar, keazamanan yang tinggi, istiqamah serta keteguhan tekad. Ciri inilah yang melayakkan mereka diberi status *ulu al-azmi* oleh Allah s.w.t.

#### RUJUKAN

- Abdul Aziz. 1998. *Fiqh Dakwah*. Solo: Intermedia
- Ab. Aziz Mohd. Zin. 1999. *Psikologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Ab. Aziz Mohd Zain, 2003. *Pengantar Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abd Hamid Judah. 1994. *Sejarah Rasulullah s.a.w*. Kuala Lumpur: Penerbitan Kintan Sdn Bhd.
- Abd. Salim Makram. 1999. *Sejarah Lengkap Para Nabi dan Rasul*. Selangor: Pustaka Ilmi.
- Abdullah b Ahmad Mubarak, 1999. *Kisah Para Nabi dan Rasul*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publisher.
- al-Aluri, Adam Abdullah. 1979. *Tarikh al-Da'wah ila Allah baina al-Ams wa al Yaum*. Al-Qahirah: Maktabah Wahbah.
- al-Baydawi, Nasir al-Din Abi Sa'id Abd Allah Ibnu 'Umar bin Muhammad al-Syirazi. T.t. *Tafsir al-Baydawi*, Juz.4. Bayrut: Dar Sadir.
- Dusuki Ahmad. 1974. *Iktisar Perkembangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamka. 1985. *Tafsir al-Azhar*. Juz. 29. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Ku Md. Ali b Hj Ku Ramli. 1997. *Dakwah kepada Saudara Baru: Satu Kajian Mengenai Pendekatan dalam Aspek Bimbingan dan Kebajikan (Tesis)*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mardini, Abd al-Karim. 2005. *Al-Mausu'ah al-Islamiyah*. Damsyiq: Dar al-Mahabbah.
- Mawdudi, Abul A'la. 2006. *Towards Understanding the Qur'an*. Leicester: The Islamic Foundation.
- Mohd Asri Hashim. 1996. *Kitab Sirah Rasulullah S.A.W*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam
- Muhammad Ahmad Jadul. 1989. *Mutiara Kisah-Kisah dalam al-Quran*. Klang: Klang Book Centre.
- al-Najar, Muhammad al-Tayyib. 1981. *Tarikh al-Anbiya' fi Dau'i al-Qur'an wa al-Sunnah al-Nabawiyyah*. Al-Qahirah: Dar al-I'tisam.
- al-Suyuti, Jalal al-Din Muhammad bin Ahmad al-Mahalli & Jalal al-Din bin 'Abd al-Rahman bin Abi Bakr. 2004. *Tafsir al-Jalalyn*. Dar al-Khayr: Dimashqa
- Talib Samat. 2004. *Umar al-Khattab, Khalifah al-Rasyidin Kedua*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd.
- Thaha Wadi. 1998. *Ulu al-Azmi min al-Rusul*. Cairo: Dar al-Nashr li al-Jamia'at
- . 1996. *Himpunan Kisah-Kisah al-Quran 3. Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*. 2000. Kuala Lumpur: Darul Fikir
- al-Zamakhshari, Abi al-Qasim Jar Allah Muhammad bin Umar. T.t. *Al-Kashshaf*, jil.3. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- Prof. Madya Dr. Abdul Ghafar Don  
Nurul Nazuha Hazizan  
Dr. Razaleigh Muhamat @ Kawangit  
Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
e-mail: a.g.don@ukm.my